

Semua MB diseru beri **kepimpinan** **lebih berkesan**

KUALA LUMPUR 2 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru Menteri-Menteri Besar supaya memberi kepimpinan yang lebih berkesan bagi membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, mereka perlu memastikan setiap projek yang dijalankan di negeri masing-masing berjalan dengan lincis dan cepat.

"Bagaimanapun ini tidak bermakna mereka sebelum ini tidak menjalankan tugas dengan berkesan, tetapi kita perlu terus meningkat," katanya

kepada para pemberita pada sidangbkkhbar selepas mempe- ngerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, perkara tersebut merupakan salah satu tumpuan dalam usaha memperketat dan meningkatkan kecekapan pentadbiran bagi memastikan pertumbuhan ekonomi di Malaysia terus meningkat.

Katanya, perkara itu dibin- cdngkan dalam mesyuarat tersebut kerana timbulkekhawatiran akibat kemelesetan ekonomi di kalangan rakan da-

ngan Malaysia seperti Ame- rika Syarikat, Eropah dan Jr- pun.

"Oleh kerana Malaysia adal- lah negara yang bergantung kepada perdagangan, kemele- setan ekonomi di kalangan ra- kan dagangannya mungkin membawa kesan buruk kepa- da pertumbuhan ekonomi ne- gara ini.

"Dengan i t u kita perlu rancang cara untuk mengatasi kemelesetan tersebut supaya kita tidak tncnerintn kesan buruknya," jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat itu juga mengu-

capkan tnhnih kepada Baris- an Nasional Terengganu pang berjaya merebut semula kerusi Dewan Undangan Negeri Bu- kit Payung.

"Kami juga mengucapkan terimakasih kepadn pasukan keselamatan yang memberi perlindungan yang mencu- kupi untuk membolehkan pe- ngundi keluar mengundi.

"Tidak seperti waktu pilih- an raya umum yang lalu di mana ada sesetengah pengun- di penyokong BNDihalang da- ripada mengundi," jelasnya.